

Headline **Barat sengaja tidak mahu memahami Islam**
Date **28 Sep 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **416 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **11,782**
PRValue **35,345**



Barat sengaja tidak mahu memahami Islam

Prasangka buruk semarakkan Islamofobia ke seluruh dunia

ISLAM adalah tamadun terkenal dunia. Dari sudut sejarah, kita amat maklum mengenai pencapaian Islam sebagai tamadun berpengaruh. Hakikatnya, pertembungan antara tamadun Islam dan tamadun lain seperti Hindu (di India dan Pakistan) dan Kristian (yang mewakili Barat), tidak dapat dinafikan.

Namun, sejak dulu lagi Islam sudah menjadi sasaran Barat. Pelbagai gelaran diberikan Barat kepada Islam dan Muslim melalui media tajaan mereka. Contohnya, Islam digambarkan sebagai agama yang kejam, mundur dan Muslim diberikan gelaran sebagai pelampau serta pengganas.

Keadaan ini menambahkan lagi perisa kepada hubungan tidak harmoni antara kedua-duanya. Ini seterusnya menyemarakkan prasangka buruk terhadap Islam. Prasangka buruk terhadap Islam bukan perkara baru.

Tanggapan stereotaip Barat terhadap Islam boleh dikatakan bermula seawal kewujudan Islam itu sendiri. Ia adalah fenomena yang menjadi jurang penyatuan antara Barat dan Timur (yang mewakili Islam).

Prasangka buruk terhadap Islam dan seterusnya fenomena membenci orang Islam diistilahkan sebagai Islamofobia. Istilah Islamofobia yang mula digunakan pada awal 1980-an dan menjadi semakin popular selepas peristiwa 9/11 2001.

Islamofobia lebih kepada pertembungan dua tamadun utama dunia, Islam dan Barat. Pertembungan antara kedua-duanya adalah lumrah. Ia sentiasa sarat dengan komplikasi dan begitu sukar difahami.

Apa yang jelas, ia bukanlah persoalan silap faham atau tidak dapat memahami antara satu sama lain, walaupun ada yang mungkin beranggapan begitu kerana bukan sedikit maklumat mengenai Islam yang tersebar seluruh dunia.

Bukan sedikit ahli akademik Barat yang faham mengenai Islam dan menulis mengenai Islam. Esposito sebagai contoh, dalam bukunya, *The Islamic Threat: Myth or Reality* berhujah tidak semua gerakan Islam itu adalah pengganas, tetapi majoriti Muslim adalah pejuang keamanan yang menggunakan strategi dan sebagai menunjukkan tin-

Headline	Barat sengaja tidak mahu memahami Islam	Language	Malay
Date	28 Sep 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	416 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	11,782
Frequency	Daily	PRValue	35,345
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

dak balas ke atas perubahan sosiopolitik dunia.

Persoalannya, sejauh manakah maklumat dan pandangan akademik Barat dapat membantu memberi kefahaman mengenai Islam kepada Barat? Kita tidak mempunyai jawapan yang pasti.

Namun, apa yang ingin saya katakan ialah penerangan mengenai Islam dan prinsipnya dapat dilihat, bukan saja dalam dunia Islam, tetapi juga dunia Barat sendiri tetapi itu tidak menjamin Barat mahu memahami Islam.

Barat lebih bersifat enggan memahami. Ia diselubungi pandangan stereotaip dan prejudis Barat terhadap Islam yang disandarkan kepada sejarah hubungan kedua-duanya. Dari sudut akademik, pandangan dunia Barat yang sekular mengasingkan antara agama dan teori lain, seperti politik menjadi alasan prejudis Barat terhadap Islam.

Pandangan dunia Barat yang amat berbeza dengan pandangan dunia Islam menyemarakkan lagi fenomena Islamofobia. Kekuatan Barat memonopoli dunia dalam pelbagai aspek menjadikan Islam sebagai sasaran. Maka, Islamofobia adalah antara natijahnya dan ia dipromosi ke seluruh dunia.

Atas apa juga alasan, prasangka buruk ke atas Islam dan Muslim berlaku dan berpanjangan, ia menandakan pertembungan dua tamadun yang payah untuk dicari jalan perdamaian.

Kenyataan dan tindakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Barack Obama, yang positif mengenai hubungan antara Islam dan Barat mungkin boleh menjadi petunjuk ke arah hubungan lebih baik antara kedua-duanya.

Tetapi ini tidak semestinya tepat kerana pada masa sama, dunia menyaksikan tindakan menentang penubuhan

Kompleks Islam dan membakar al-Quran yang berlaku di AS. Peristiwa ini menjadi contoh terbaik keengganan setengah pihak untuk mencari pemahaman betul terhadap Islam.

Kita menyambut baik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Malaysia boleh menyumbang ke arah memberi pemahaman mengenai Islam. Jika kesannya positif, Malaysia akan menjadi pemangkin kepada keamanan sejagat.

Walau apa pun, proses ini memerlukan komitmen kedua-dua belah pihak kerana seekor kuda boleh kita tarik dan bawa ke pinggir kolam untuk mencari minuman, tetapi kita tidak boleh memaksa kuda itu untuk minum.

Dengan kata lain, kerjasama antara kedua-dua belah pihak sangat diperlukan dalam menangani masalah yang lahir daripada pertembungan tamadun ini.

Sumbangan Malaysia membetulkan prasangka, prejudis, salah faham dan pandangan stereotaip Barat terhadap Islam boleh direalisasikan dengan membawa bukti bahawa Malaysia adalah negara Islam yang kompetitif dari segi kedudukan ekonomi.

Malaysia perlu tunjukkan kepada dunia bahawa Islam adalah agama yang menjadikan negara ini sebuah negara progresif. Malaysia juga harus membuktikan kesejahteraan dan keamanan dinikmati masyarakat pelbagai kaum di negara ini ialah kerana Islam menjadi paksi utama pentadbiran negara.

Oleh itu, tanggungjawab memberikan fahaman dan merealisasikan fahaman Islam dalam perlakuan harian harus dibudayakan orang Islam negara ini. Ia bukan tanggungjawab pemerintah saja, malah tanggungjawab peribadi setiap orang Islam bagi mengelak

telahan atau anggapan negatif masyarakat bukan Islam terhadap Islam dan orang Islam di negara ini.

Islam bukan saja patut dilihat cantik dalam teori dan prinsipnya, tetapi harus dilihat sempurna serta bermanfaat dalam amalan dan realiti.

Penulis ialah Penolong Profesor Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

“Sejak dulu lagi Islam sudah

menjadi sasaran Barat.

Pelbagai gelaran diberikan kepada Islam dan Muslim

melalui media tajaan

mereka. Contohnya, Islam digambarkan sebagai

agama yang kejam, mundur dan Muslim digelar

pelampau serta pengganas”

“Istilah Islamofobia mula

digunakan pada awal

1980-an dan menjadi

semakin popular selepas

peristiwa 9/11 2001”

